

Perak mahu Koridor Utara diperluas ke seluruh negeri

UM- 1/8/2007

BAGAN SERAI 31 Julai - Kerajaan dan rakyat Perak meletakkan harapan yang tinggi agar projek Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) dapat dirangkumkan ke seluruh negeri ini supaya pembangunannya dapat dinikmati di semua daerah.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali berkata, walaupun peranan yang diberikan kepada Perak sebagai peneraju utama dalam pembangunan modal insan adalah baik tetapi pada masa yang sama negeri ini mempunyai keupayaan input serta lokasi-lokasi strategik.

Kelebihan itu, katanya, boleh diisi dengan komponen-komponen tertentu bagi menjana impak pembangunan yang lebih cepat.


"Dalam konteks negeri Perak, program Koridor Utara ini akan hanya melibatkan empat daerah iaitu Kerian, Larut Matang dan Selama, Hulu Perak dan Kuala Kangsar.

"Justeru, Perak berharap komposisi dan komponen program Koridor Utara yang direncanakan untuk Perak dapat merangkaikan secara berimbang projek-projek yang mampu menjana perolehan serta menyetuskan impak pembangunan yang lebih menyeluruh," katanya.

Tajol Rosli berucap pada majlis pelancaran Koridor Utara peringkat negeri Perak di Sekolah Menengah Kebangsaan Selinsing di sini hari ini.

Majlis berkenaan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Hadir sama ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Koh Tsu Koon serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi.



ORANG ramai melihat model Pelabuhan Pulau Pinang selepas majlis perasmian Wilayah Ekonomi Koridor Utara oleh Abdullah Ahmad Badawi di Butterworth, Pulau Pinang, semalam.

- Gambar SHAMSUDIN SALEH

Tajol Rosli berkata, pelancaran Koridor Utara merupakan saat yang ditunggu-tunggu oleh seluruh rakyat di utara Semenanjung.

Menurut beliau, apa yang sebenarnya akan berlaku dan dicetuskan melalui Koridor Utara ialah proses transformasi sosioekonomi

yang melibatkan dua elemen penting iaitu pembangunan fizikal dan modal insan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, elemen penentu dalam menjayakan program itu ialah faktor insan.

"Untuk itu rakyat bukan sahaja perlu melakukan penambahbaikan terhadap

kualiti modal insan, malah harus turut menunjukkan komitmen yang tinggi serta penyertaan aktif, progresif dan dinamik.

"Golongan pasif yang hanya mengharapkan kemajuan didatangkan ke riba mereka tidak akan dapat manfaat daripada program ini," jelas beliau.